

30/01/2003

ASAS adakan majlis makan malam

KUALA LUMPUR: Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS), akan mengadakan majlis makan malam sempena menyambut ulang tahun ke-40 sekolah berkenaan pada 8 Februari ini di Hotel Palace of Golden Horses.

Tetamu kehormat majlis itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sehubungan itu, jawatankuasa kerja ASAS menjemput ahlinya dan bekas pelajar Sekolah Alam Shah menyertai majlis itu.

Mereka yang berminat hanya dikenakan bayaran sebanyak RM100 seorang dan pembayaran perlu dibuat sebelum 30 Januari ini.

Untuk pertanyaan boleh menghubungi Minhat Mion atau Misriah Jani di talian 03-77858323.